

# UMP ejen transformasi, memasyarakatkan teknologi

UTUSAN MALAYSIA 24/10/2016 m/s 2

Oleh MOHD. SHARIZA  
ABDULLAH

utusanktn@utusan.com.my

**UNIVERSITI** Malaysia Pahang (UMP) berperanan sebagai ejen transformasi yang melewati parameternya sebagai sebuah menara gading dan gedung ilmu pengetahuan yang memerlukannya melipatgandakan usaha untuk memajukan masyarakat secara konstruktif dan terarah.

Dalam merealisasikan agenda Pelan Strategik UMP 2016-2020 bertema 'Memasyarakatkan Teknologi', UMP terus menggembleng bakat-bakat yang ada di universiti itu secara strategik bagi memastikan kepakaran teknologinya dapat dibawa ke lapangan bagi manfaat masyarakat di peringkat akar umbi.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, inovasi dan kerja penyelidikan yang dijalankan di universiti itu turut mengambil kira faktor kemanusiaan, kesejagatan dan kemasyarakatan.

Kata beliau, inovasi ringkas tetapi berimpak besar terhadap transformasi sosioekonomi dan kehidupan rakyat adalah lebih bermakna berbanding inovasi kompleks yang kaku dalam parameter makmal universiti.

"Begitu juga dengan inovasi sosial dengan menggerakkan Projek Komuniti Universiti secara besar-besaran bagi memasyarakatkan universiti menerusi pengetahuan serta teknologi," katanya.

Dalam usaha memantapkan akademik bagi melahirkan graduan yang kompeten, UMP memperkenalkan Program Pengukuhan Kemahiran Insaniah yang dikenali sebagai iLEAD yang pertama seumpamanya di negara ini dengan dilaksanakan secara berstruktur sebelum graduan menamatkan pengajian.

Menerusi program itu, penuntut akan dinilai dari pelbagai aspek seperti kemahiran komunikasi, keusahawanan,

etika dan nilai tambahan lain berbanding sistem penilaian terdahulu yang hanya berdasarkan markah akademik serta kokurikulum.

UMP juga melancarkan MyGift sebagai inisiatif saluran sumbangan endowmen universiti bagi tujuan tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana untuk penuntut dan membudayakan semangat membantu golongan yang memerlukan bantuan.

Daing Nasir berkata, ia diperkenalkan sebagai kemudahan kepada warga kampus dan alumni serta pihak luar terutama industri dan syarikat untuk sama-sama menyumbang kepada tabung endowmen universiti.

Menyedari tanggungjawab sesebuah universiti itu tidak terhad dalam menyalurkan ilmu kepada mahasiswa, UMP sebagai universiti berteraskan kejuruteraan dan teknologi turut melaksanakan program-program latihan kemahiran bagi membantu meningkatkan pembangunan modal insan dalam kalangan belia dan penduduk sekitar kampus terutama di Kuala Pahang.

Dalam pada itu, UMP bersama rakan strategiknya, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) melaksanakan program Empower ECER Mahkota Kuala Pahang yang menasarkan peningkatan kemahiran dan pendapatan serta meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

Program kerjasama itu mencerminkan komitmen kolektif dan sinergi universiti, sekolah, ibu bapa dan penuntut bagi merealisasikan agenda kecemerlangan akademik pelajar luar bandar.

Kerjasama antara UMP, ECERDC dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dalam menggerakkan inisiatif Empower ECER ini terbukti berkesan dari sudut peningkatan aras prestasi akademik, literasi ilmu dan motivasi belajar para peserta yang terlibat.



**DATUK DR. DAING  
NASIR**